

27/11/1999

Barat berguna pemimpin pembangkang, NGO

DAKWAAN pemimpin Barisan Nasional (BN) bahawa ada percubaan kuasa asing untuk campur tangan dalam hal ehwal politik negara, dinafikan sekeras-kerasnya oleh pembangkang. Sebaliknya, mereka memperlecehkan dakwaan itu kononnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan-adakan isu berkenaan untuk menakut-nakutkan rakyat agar terus menyokong kepemimpinan sekarang. Pembangkang dalam ceramah mereka mendakwa Dr Mahathir sengaja menggambarkan Datuk Seri Anwar Ibrahim selama ini diperalatkan oleh ejen kuasa asing agar rakyat hilang kepercayaan dan tidak menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Rakyat yakin dakwaan BN itu tidak akan dibuat tanpa asas. Selaku kerajaan yang memantau dengan dekat setiap perkembangan diplomatiknya, adalah tidak mungkin untuk mereka cipta dakwaan seperti itu apatah lagi ia membabitkan hubungan antarabangsa yang sudah lama dibajai. Tentunya kerajaan mengundang risiko besar dan jalan yang penuh ranjau jika membuat tuduhan melulu terhadap sesebuah negara yang mempunyai hubungan baik dengannya tanpa disokong bukti. Namun, dalam hal yang membabitkan soal keselamatan negara, sejak awal lagi kerajaan terpaksa berterus-terang untuk memberitahu rakyat apa yang sebenarnya berlaku agar semua peka dan mengambil sikap lebih berjaga-jaga.

Kini dakwaan kerajaan selama ini berasas. Wisma Putra kelmarin memanggil empat duta asing untuk memberi penjelasan berhubung dakwaan negara mereka memberi bantuan kewangan dan sokongan kepada pembangkang pada pilihan raya umum kali ini. Duta Britain, Kanada, Australia dan Amerika Syarikat kelmarin dipanggil oleh Wisma Putra selepas kerajaan mendapat bukti mereka terbabit dengan pembangkang. Mereka diberi amaran keras supaya tidak lagi mencampuri urusan dalaman Malaysia.

Rakyat yang mahu mengekalkan kemerdekaan dan menolak sebarang campur tangan asing akan bertanya atas kepentingan apakah kuasa-kuasa asing ini bersimpati dengan pembangkang, terutama di saat akhir menjelang pilihan raya? Apakah duta yang ditugaskan ke negara ini tidak mengetahui fungsi dan peranan mereka dalam hubungan diplomatik? Selepas berpuluh tahun mempunyai hubungan baik dengan BN - kerajaan yang sah dipilih rakyat - mengapa sekarang timbul kegiatan yang boleh membawa kepada pelbagai syak wasangka? Apakah muslihat di sebalik semua ini? Sebelum ini pun telah timbul kesangsian pembabitan anasir-anasir asing ini dalam kegiatan reformasi.

Kita akui kakitangan asing di kedutaan masing-masing di Malaysia ditugaskan memantau dan menghantar laporan ke negara asal mengenai setiap perkembangan yang berlaku. Laporan itu juga meliputi suasana politik semasa bagi membolehkan kerajaan masing-masing membuat pendirian dan keputusan berhubung soal diplomatik. Bagaimanapun, ini bukan bermakna mereka bebas terbabit secara langsung apatah lagi memberi sokongan moral dan kewangan kepada parti pembangkang.

Dengan sebab itu tidak hairanlah timbul kesangsian bahawa semua itu dirancang teliti bagi memenuhi agenda tersendiri mereka. Bukan menjadi rahsia lagi Barat selama ini tidak menyenangi ketegasan Dr Mahathir yang begitu kritikal dan lantang membidas dasar yang diperjuangkan kuasa asing. Mereka melihat pemimpin seperti Dr Mahathir semakin berjaya mempengaruhi negara selatan dan membangun untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap layanan kuasa besar. Lantas, apa jua kesempatan dan ruang yang boleh disambar dipergunakan sepenuhnya untuk menghakis kuasa pemimpin

seperti beliau. Dengan dokongan media dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dikuasai atau pun dipengaruhi selama ini, pelbagai cara digunakan mereka bagi menumbangkan kerajaan yang sah hanya kerana kepemimpinan sedia ada tidak mahu tunduk mengikut telunjuk mereka.

Gambaran buruk mengenai perkembangan politik Malaysia dipaparkan manakala NGO pula dihasut agar bangun menentang kerajaan. Dengan sumber kewangan besar yang dihamburkan serta pelbagai janji yang dibuat, mereka berjaya menambat hati pemimpin NGO dan parti pembangkang untuk patuh menjadi boneka mainan mereka menentang kerajaan. Siapa saja akan disokong asalkan sanggup bersekongkol demi mencapai semua matlamat itu. Peranan Yahudi dalam menjalankan jarum beracun seperti ini sukar dinafikan. Umumnya, merekalah yang selama ini menjadi dalang kerana memiliki kekuatan sumber kewangan untuk `membeli' sesiapa saja termasuk mereka yang berhajat besar sehingga sanggup menjadi pengkhianat bangsa dan agamanya sendiri.

(END)